

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN NO. 181

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah program-program akademik baharu yang diperkenalkan di Universiti Awam (UA) bersesuaian dengan keperluan semasa; dan namakan program-program yang telah diumumkan atau dilupuskan dalam tempoh sejak Jun 2018.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap program akademik yang akan ditawarkan oleh universiti awam (UA) perlu melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan mendapat kelulusan sebelum ditawarkan kepada umum. Jawatankuasa yang dilantik oleh KPM akan menyaring dan meneliti setiap permohonan penawaran program baharu agar memenuhi keperluan guna tenaga dan industri. Di samping itu, UA diwajibkan untuk menjalankan kajian pasaran bagi program yang akan ditawarkan dari semua segi termasuklah lokasi penawaran program tersebut. Lokasi penawaran sesuatu program memainkan peranan yang penting dalam menentukan permintaan sesuatu program agar program yang ditawarkan selaras dengan kehendak bukan sahaja daripada penduduk setempat malah melangkaui sempadan negeri.